

15 JAN 2003

Hadi-MRSM

TERENGGANU JUMPA PERDANA MENTERI BINCANG ISU PENUTUPAN MRSM-YT

KUALA TERENGGANU, 15 Jan (Bernama) -- Wakil Kerajaan Negeri Terengganu telah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyuarakan pandangan berhubung isu penutupan dua Maktab Rendah Sains Mara-Yayasan Terengganu (MRSM-YT) pada Isnin lepas.

Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia Negeri Datuk Mustafa Ali berjumpa dengan Perdana Menteri di Putrajaya pada Isnin lepas.

"Kita telah menyuarakan pandangan kita agar dua MRSM-YT di Dungun dan Besut tidak ditutup manakala bangunan itu dikekalkan fungsinya.

"Ini termasuk hasrat kita yang mahukan satu perbincangan diadakan untuk kepentingan pendidikan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Exco Kerajaan Negeri di sini, hari ini.

Abdul Hadi, pada 8 Jan lepas, menarik balik notis penutupan maktab itu di Dungun yang dikeluarkan oleh Yayasan Terengganu dan mencadangkan perbincangan mengenainya diadakan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan yang bertanggungjawab ke atas Mara.

Abdul Hadi berkata arahan awal penutupan kedua-dua MRSM itu dikeluarkan kerajaan negeri sebagai persediaan berikutan keputusan menteri berkenaan Datuk Seri Mohd Nazri Abdul Aziz untuk menutup kedua-dua maktab itu kerana masalah operasi bangunannya serta keengganan kerajaan negeri menurunkan kuota 80 peratus pengambilan pelajar anak negeri ini.

Bagaimanapun, Mohd Nazri menegaskan keputusan penutupan kedua-dua maktab itu kekal dan pelajar-pelajar yang terlibat akan dipindahkan ke MRSM di daerah lain di Terengganu dan Kelantan.

Abdul Hadi berkata kerajaan negeri bersedia membincangkan dengan pihak kementerian berhubung masalah teknikal seperti menurunkan kuota pengambilan pelajar anak negeri itu.

Sementara itu, Mustafa menjelaskan perjumpaan dengan Perdana Menteri berjalan dengan lancar dan beliau telah meluahkan hasrat kerajaan negeri untuk berunding semula agar kedua-dua maktab itu tidak ditutup.

"Perdana Menteri berkata kepada saya bahawa beliau akan lihat apa yang boleh dilakukannya," kata Mustafa yang turut menghadiri pada sidang berita itu.

-- BERNAMA

MRA AM NAK